

BENGGEL PENILAIAN LANGGANAN PANGKALAN DATA

Oleh: Husriati Hussain, Ketua, Bahagian Bahan Bersiri

Tarikh: 14 Februari 2019 (Khamis)

Masa: 9.00 pagi – 1.00 tengahari

Tempat: Academic Lounge, PHS 1



Bengkel Penilaian Langganan Pangkalan Data Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (USM) telah dianjurkan oleh Perpustakaan Hamzah Sendut daripada hasil cadangan Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Perpustakaan (JP) yang ke-122. Bengkel tersebut telah diadakan pada 14 Februari 2019 (Khamis), bermula jam 9.00 pagi sehingga 1.00 tengahari bertempat di Academic Lounge, PHS 1. Kehadiran peserta adalah seramai 24 orang yang terdiri daripada pensyarah dari Kampus Induk, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) dan Kampus Kesihatan, pegawai dari Jabatan Bendahari, dan pustakawan dari Perpustakaan Kampus Induk, Kejuruteraan dan IPPT. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Ketua Pustakawan, Puan Rugayah Ali dan hasil perbincangan Bengkel ini dirumuskan oleh Profesor Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) yang juga merupakan Pengerusi Mesyuarat JP.

Objektif Bengkel adalah untuk (i) Menetapkan kriteria pemilihan langganan pangkalan data bagi tahun 2020 dan seterusnya; dan (ii) Mendapat maklum balas daripada ahli JP dan memberi input kepada Pengurusan USM terhadap keperluan peruntukan bagi melanggan pangkalan data/sumber maklumat elektronik. Pengisian Bengkel ini terbahagi kepada 2 segmen iaitu :

1) *Pembentangan dari Perpustakaan*

Pembentang	:	Tajuk Pembentangan
<i>Husriati Hussain</i>	:	<i>Langganan Pangkalan Data Perpustakaan 2019</i>
<i>Cik Ramlah Che Jaafar</i>	:	<i>Scholarly Publishing Service</i>
<i>Mohd Kamal Mohd Napiah</i>	:	<i>Sokongan Penyelidikan @ Perpustakaan</i>

Muhammad Akmal Ahmat	:	Open Access
----------------------	---	-------------

2) *Perbincangan Berkumpulan*

Kumpulan terdiri daripada 3 iaitu Kluster Sains, Kluster Bukan Sains, dan Kluster Perubatan dan Kesihatan. Peserta kumpulan merupakan kombinasi antara pensyarah dan pustakawan. Pangkalan data langganan Perpustakaan USM dibahagi mengikut kesesuaian kumpulan tersebut untuk dinilai.

Secara keseluruhan daripada hasil perbincangan Bengkel ini, semua peserta bersetuju kriteria penilaian langganan pangkalan data yang sedia ada dikekalkan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kriteria tambahan dicadangkan untuk dipertimbangkan seperti perlukan penilaian daripada *subject expert* sebelum melanggan atau membatalkan pangkalan data yang berkenaan, dan menetapkan kadar kenaikan harga maksima untuk diluluskan pembaharuan langganan. Kriteria ini telah diperaku dan diluluskan di Mesyuarat JP ke-123 yang telah diadakan pada 20 Mac 2019. Kriteria ini seterusnya dijadikan Dokumen Rujukan Terkawal MS ISO 9001:2015 untuk PUSM/2/PK01 - Perolehan Sumber Maklumat Perpustakaan. Peserta Bengkel juga bersetuju kad korporat khas Jabatan diberi dengan segera kepada Perpustakaan khusus untuk tujuan perkhidmatan *pay per view* bagi mendapatkan artikel yang tidak dilanggan oleh pihak Perpustakaan. Perkhidmatan alternatif ini merupakan salah satu usaha Perpustakaan bagi menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan Universiti.



